

SOALAN (41)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 06 MAC 2018
[SELASA]
DARIPADA : YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]

SOALAN :-

YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah penggunaan teknologi insinerator mampu mengurangkan kesan gas rumah hijau dalam pengurusan sisa pepejal agar matlamat Pelupusan Terbuka Sifar dapat direalisasikan menjelang 2020.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan teknologi insinerator mampu mengurangkan sehingga 97% kesan gas rumah hijau jika dibandingkan dengan tapak pelupusan dan stesen pemindahan sisa pepejal. Pengurangan ini adalah disumbangkan oleh pengurangan penghasilan gas metana di tapak pelupusan, pengurangan jarak pengangkutan daripada kawasan janaan ke tapak pelupusan, keluasan tapak yang minima dan keupayaan loji WTE untuk menjana dan mengeksport tenaga elektrik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara tidak menetapkan sebarang dasar khusus seperti Matlamat Pelupusan Terbuka Sifar menjelang tahun 2020 dalam perancangan pelupusan sisa pepejal. Ini adalah kerana buat masa ini negara masih mempunyai 18 buah tapak pelupusan sanitari manakala selebihnya iaitu 136 tapak adalah merupakan tapak pelupusan terbuka.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian sedang berusaha untuk mengurangkan bilangan tapak pelupusan kepada 23 buah tapak pelupusan sanitari sahaja menjelang tahun 2050. Sasaran ini akan melibatkan pembinaan stesen pemindahan dan tapak-tapak pelupusan sisa pepejal sanitari yang akan menggantikan tapak-tapak pelupusan terbuka yang kritikal dan mencemarkan alam sekitar serta menutup tapak-tapak pelupusan tidak sanitari secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, walaupun pembinaan loji WTE memerlukan kos pembinaan dan operasi yang tinggi, Kementerian akan tetap membina loji tersebut di bandar-bandar besar yang menjana sisa pepejal dalam kuantiti yang tinggi iaitu melebihi 1,000 tan sehari dan mempunyai keluasan tanah yang terhad seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Melaka. Ini adalah kerana penggunaan loji insinerator di kawasan tersebut adalah lebih praktikal dan berkesan berbanding penggunaan teknologi di tapak pelupusan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,

Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018